

Cadang kurangkan kos sedia kemudahan pendidikan di IPTS

UM 2 0 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kerajaan bercadang mengurangkan kos menyediakan kemudahan pendidikan di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertujuan memperkembangkan institusi berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, menerusi pelaksanaan cadangan itu, semua IPTS dan institusi bahasa swasta akan diberi pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran.

“Pengecualian itu termasuk kelengkapan makmal, bengkel, studio dan makmal bahasa,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, cadangan itu dilaksanakan kerana kerajaan beru-

saha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Menurut beliau, royalti yang diterima oleh bukan pemastautin dari IPTS bagi skim pendidikan francais juga diberi pengecualian cukai pendapatan.

Selain itu, katanya, RM294.3 juta disediakan bagi pelaksanaan program pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial, peningkatan kefahaman dan penghayatan Islam, pendidikan di sekolah agama dan kelas al-Quran serta fardu ain.

Menurut beliau, kerajaan bercadang melaksanakan lebih banyak program kefahaman Islam yang sebenar kepada pelajar IPTS dan institusi pengajian tinggi awam.

Katanya, cadangan itu turut melibatkan pegawai dan kakitangan kerajaan serta swasta menerusi kursus pengukuhan akidah, pembinaan sahsiah, penghayatan Islam dan pembinaan insan.

“Matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan masyarakat yang bertakwa di kalangan umat Islam,” katanya.

Sejajar itu, Dr. Mahathir berkata, kapasiti pelajar Maahad Tahfiz Darul Quran di Kuala Kubu Baru, Selangor akan dipertingkatkan.

Menurutnya, peningkatan itu dapat dilakukan apabila fasa kedua projek pembinaan Maahad Tahfiz itu siap kelak.